

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, September 5, 2019 3:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Senang Hafal Quran Dengan SmART Al-Q – Di Mana Jua, Bila-Bila Masa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

05 SEPTEMBER 2019 / 05 MUHARAM 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: UTLC

SENANG HAFAL QURAN DENGAN SMART AL-Q – DI MANA JUA, BILA-BILA MASA



UUM ONLINE: Smart Al-Quran Memorization (SmART Al-Q) yang membantu menghafal al-Quran dengan mudah berjaya memenangi pingat emas pada *International Learning Innovation Competition (PIP2019)* di Dewan Mu'adzam Shah, UUM.

Mereka terdiri daripada guru penasihat, Ismail Salleh bersama pelajar Tingkatan 2 iaitu Ahmad Munawwar Zubairi, Muhammad Farhan Khairul Anuar, Wan Muhammad Atiqullah Wan Ahmad Noradin dan Nur Muhammad Al Amin Noorazam dari Sekolah Kluster Kecemerlangan dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah.

Ismail bersyukur kerana produk inovasi berasaskan hafazan Al-Quran dapat diperkenalkan dan diiktiraf seiring dengan revolusi Industri 4.0 dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Jelasnya, aplikasi multimedia menggunakan Adobe Flash CS6 dengan ActionScript 3.0 dibina berdasarkan model ADDIE untuk meningkatkan kaedah pengajaran & pembelajaran hifz al-Quran berdasarkan teori pengajaran al-Qabisi seorang ulama Islam.

“Apps ini dibuat berdasarkan teori pengajaran al-Qabisi yang menekankan konsep pembelajaran hafazan menggunakan pancaindera seperti Dengar, Talaqqi (baca), Hafaz dan Tasmik (DTHT). Tasmik bermaksud pelajar akan membaca di hadapan guru tanpa tengok al-Quran atau memperdengarkan bacaan kepada guru,” ujarnya.

“Kemenangan di luar jangkaan memang terkejut, sebelum pertandingan ini, mereka membuat persediaan rapi seperti soal selidik dan pengumpulan data daripada pakar pakar hafazan al-Quran.

“Alhamdulillah, berkat usaha, gaya persembahan serta pembentangan mantap telah menarik perhatian juri. Saya amat berbangga dengan kejayaan pelajar yang merangkul pingat emas kategori inovasi pelajar sekolah menengah dan IPT,” luahnya.

Beliau yang diiktiraf Guru Cemerlang Hifz Al-Quran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia turut berperanan mencari kaedah atau inovasi selain membantu guru hafazan yang lain untuk meningkatkan tahap pengajaran hafazan yang berkesan kepada pelajar.

Beliau berharap Kementerian Pendidikan Malaysia dapat memberi geran untuk membantu dari segi kewangan dalam menambahbaik aplikasi ini dalam melahirkan generasi celik al-Quran.

Bukan itu saja, pasukan ini turut menggondol pingat emas dan anugerah khas Inovasi Terbaik oleh *Malaysian Research & Innovation Society* (MyRIS) dalam Pertandingan Inovasi Darul Aman di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Darul Aman baru-baru ini.

Sementara itu, Munawwar teruja dapat berkongsi kaedah terbaru dalam hafalan melalui aplikasi telefon dengan lebih mudah walau di mana saja pada bila-bila masa.

Ujarnya, pelajar dapat mengetengahkan aplikasi yang dicipta dengan berkongsi cara menghafal dengan betul dan mudah di samping menyerlahkan keyakinan diri.

“Pada dasarnya, aplikasi ini memberi tumpuan kepada konsep pembelajaran Hifz al-Quran menggunakan deria seperti mendengar, mengimbas dan membaca.

“Sambutan amat menggalakkan daripada pelajar dan orang awam yang berkunjung ke booth dan menganggap fenomena baru dalam inovasi pengajaran hafazan sampai habis semua *brochure*,” tambahnya.

Menurutnya, program ini memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa sekolah juga mempunyai produk yang berpotensi untuk diketengahkan selain mengasah bakat pengucapan awam ketika mempromosikan produk inovasi

Manakala Wan Muhammad Atiqullah mengakui telah berjaya menghafal 14 juzuk menggunakan aplikasi yang menukar kaedah tradisional kepada baharu.

“Saya hafaz sedikit demi sedikit dengan membahagikan satu muka surat kepada 2 bahagian. Jadi saya hafaz bahagian atas dulu apabila sudah ingat baru hafal bahagian bawah. Saya ulang dari atas sampai bawah sebanyak 12 kali sampai betul-betul ingat barulah saya tasmik depan guru,” ujarnya.

Tambahnya, aplikasi ini membantu hafalan dari segi sebutan huruf dan teknik pengulangan juga memudahkan pelajar ketika bercuti kerana masih boleh dengar bacaan melalui App.

“Sebenarnya banyak manfaat bila seseorang hafal al-Quran misalnya dapat ganjaran pahala, menjadi sebaik-baik umat Nabi Muhammad SAW malah mak ayah kita dimahkotakan dengan penghormatan yang tinggi di akhirat kelak.

“Ustaz selalu pesan pantang larang ketika menghafal al-Quran, jangan buat dosa atau perkara yang Islam larang serta rajin-rajinlah solat tahajud,” pesannya.

Pertandingan dua hari anjuran Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Universiti (UTLC) UUM mendedahkan pelbagai inovasi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) melibatkan Sekolah Rendah dan Menengah, Kolej Matrikulasi, Kolej Komuniti, Politeknik dan Institusi Pengajian Tinggi.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.